

***Hikayat Seri Kelantan: Pensejarahan Konflik dan Perang Saudara serta Pengukuhan  
Dinasti Long Yunus di Kelantan***  
***(Hikayat Seri Kelantan: A Historiography of Conflict and Civil War, and the Consolidation of the  
Long Yunus Dynasty in Kelantan)***

Mardiana Nordin,\* Noraini Mohamed Hassan\*\* & Ho Hui Ling\*\*\*

**Abstrak**

Menggunakan naskhah Melayu sebagai sumber sejarah semakin mendapat tempat dalam kalangan pengkaji. Kajian ini penting kerana naskhah Melayu ditulis bukan sahaja atas titah perintah raja, malah sebahagian darinya dihasilkan oleh orang Melayu, dari kaca mata, pengalaman dan matlamat tertentu mereka sendiri. Oleh itu, objektif makalah ini untuk menganalisis kepentingan naskhah *Hikayat Seri Kelantan* sebagai sumber sejarah dalam memahami sejarah konflik dan perang saudara di Kelantan pada abad ke-18 dan 19. Objektif berikutnya untuk mengenal pasti pengukuhan Dinasti Long Yunus di Kelantan walaupun pada era tersebut berlakunya beberapa perang saudara. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dari disiplin sejarah. Melalui kaedah kepustakaan, *Hikayat Seri Kelantan* menjadi rujukan utama, di samping sumber-sumber yang lain. Tempoh kajian adalah pada abad ke-18 dan 19 iaitu pada era Long Yunus diangkat sebagai raja Kelantan yang pertama juga berlakunya perang saudara dalam kalangan warisnya. Hasil kajian membuktikan *Hikayat Seri Kelantan* mengandungi maklumat sejarah yang penting berhubung pengasasan kerajaan Kelantan. Kajian juga menunjukkan bahawa anak cucu beliau seperti Long Muhammad, Long Tan dan Long Senik Mulut Merah mempunyai peranan yang signifikan dalam menghadapi konflik dalaman dan seterusnya mengukuhkan kerajaan ini.

**Kata kunci:** *Hikayat Seri Kelantan*, konflik, perang saudara, dinasti Long Yunus

**Abstract**

*Using Malay manuscripts as historical sources is increasingly used by researchers. This study is significant, as Malay manuscripts were written not only by order of the king, but some of them were produced by the Malays, from their own lenses, experiences, and their own specific purposes. Therefore, the objective of this paper is to analyse the Hikayat Seri Kelantan as an important historical source in understanding the history of conflict and civil war in Kelantan during the 18<sup>th</sup> and 19<sup>th</sup> centuries. The next objective is to identify the consolidation of the Long Yunus Dynasty in Kelantan, even during the civil war period. This study uses the qualitative approach within the historical discipline. Through the library method, Hikayat Seri Kelantan is the main reference, alongside other sources. The period of study was the 18<sup>th</sup> and 19<sup>th</sup> centuries, from when Long Yunus was established as first ruler of Kelantan and when civil war broke out among his heirs. The findings highlighted key historical information regarding the founding of the kingdom of Kelantan from Hikayat Seri Kelantan. The study also proved that his descendants such as Long Muhammad, Long Tan and Long Senik Mulut Merah played significant roles in addressing internal conflict and consolidating their power over the throne of Kelantan.*

**Keywords:** *Hikayat Seri Kelantan*, conflict, civil war, Long Yunus dynasty

---

\* Mardiana binti Nordin (corresponding author) (PhD), Senior Lecturer, Department of History, Faculty of Arts and Social Sciences, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: mardiana@um.edu.my.

\*\* Noraini binti Mohamed Hassan (PhD), Senior Lecturer, Department of History, Faculty of Arts and Social Sciences, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: ainnorima@um.edu.my.

\*\*\* Ho Hui Ling (PhD), Associate Professor, Department of History, Faculty of Arts and Social Sciences, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: hohuilng@um.edu.my.

## **Pengenalan**

Kisah berkaitan dengan konflik dan peperangan merupakan antara episod penting dalam sejarah negeri-negeri di Tanah Melayu. Pengarang naskhah Melayu sering memaparkan konflik ini dalam pelbagai bentuk dan tujuan kepengarangan bersesuaian dengan motif penulisan masing-masing. Konflik dan peristiwa peperangan yang ditemukan di dalam naskhah Melayu ada yang sememangnya suatu realiti namun tidak kurang yang bersifat ‘fantasi’ yang diolah secara mitos dengan tujuan kepengarangan yang tertentu. Di negeri Kelantan, sebelum institusi kesultannya didirikan sehingga Dinasti Long Yunus<sup>1</sup> bertakhta, berlaku beberapa konflik dan perang saudara khususnya dalam usaha perebutan takhta kerajaan. *Hikayat Seri Kelantan* merupakan sebuah naskhah yang banyak memaparkan episod ini. Terdapat juga karya-karya lain yang turut memuatkan episod terbabit seperti *Chetera Kelantan*, *Ringkasan Citra Kelantan*, *Riwayat Kelantan* dan *Shair Musuh Kelantan*. Selain itu, sebuah naskhah pensejarahan Terengganu yang turut memerihalkan konflik dan isu ketakhtaan di Kelantan ini adalah naskhah “A Fragment of the History of Trengganu and Kelantan.”

Justeru, objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisis kepentingan *Hikayat Seri Kelantan* sebagai sumber sejarah terutamanya dalam memahami konflik dan perang saudara yang berlaku di Kelantan pada abad ke-18 dan ke-19. Seterusnya makalah ini juga bermatlamat untuk mengenal pasti pengukuhan Dinasti Long Yunus di Kelantan pada dua abad tersebut walaupun pada era itu berlakunya beberapa kali perang saudara dan dinasti ini dapat kekal bertakhta sehingga hari ini. Kajian bagi menulis makalah ini menggunakan kaedah kualitatif dari disiplin sejarah.

## ***Hikayat Seri Kelantan* dan Konflik di Kelantan dalam Penulisan**

Negeri Kelantan terkenal sebagai lubuk budaya Melayu, pusat pemancaran agama Islam dan tradisi keilmuan.<sup>2</sup> Keintelektualan masyarakat Melayu Kelantan dapat dikenal pasti antaranya melalui hasil penulisan mereka. Pada peringkat awal, lebih banyak penulisan lahir dalam kategori agama. Kedatangan Islam ke Alam Melayu adalah penyumbang penting kepada kegiatan penulisan berbahasa Melayu khususnya berkaitan agama. Islam telah memberi budaya baru dalam pembinaan tamadun kerana selain belajar dan mengajar, pengajian agama juga melibatkan aktiviti menulis dan membaca. Maka lahirlah kitab-kitab fiq dan tasawuf pada awal abad ke-19.<sup>3</sup> Seiringan dengan itu, masyarakat Melayu juga semakin terdedah dengan kesedaran sejarah. Maka mereka mula menghasilkan karya dalam genre sejarah tetapi masih dipengaruhi oleh budaya politik mereka waktu itu. Antara karya pensejarahan Melayu yang masyhur di Kelantan adalah *Hikayat Seri Kelantan*.

Secara amnya, tidak begitu banyak kajian yang menyeluruh dan mendalam dilakukan terhadap *Hikayat Seri Kelantan*. Namun penelitian yang tidak asing lagi adalah hasil usaha Mohd Taib Osman ketika menghasilkan tesis Sarjana Sasteranya. Mohd. Taib telah, i) mentransliterasikan naskhah ke rumi dengan meletak tanda baca dan perenggan, ii) membicarakan kandungan naskah dan memperlihatkan unsur-unsur sejarah di dalamnya, dan iii) memperhatikan sifat-sifat penggunaan bahasa terutama dialek Melayu Kelantan.<sup>4</sup> Perumian yang dilakukan oleh beliau merupakan sumbangan yang sangat bermakna kepada pensejarahan Melayu. Selain itu, beliau secara tidak langsung memperlihatkan fakta-fakta sejarah yang terkandung di dalamnya dengan menggunakan metod komparatif iaitu membuat kaji banding bersama naskhah *Riwayat Kelantan* dan *Ringkasan Cetera Kelantan*. Mohd. Taib menyentuh perang saudara yang meletus di Kelantan itu secara umum.

---

<sup>1</sup> Long Yunus ialah pengasas kesultanan Kelantan yang menaiki takhta pada tahun 1776. Hasil kajian Nik Mohd. Salleh, terdapat empat andaian berhubung asal-usul Long Yunus iaitu, i) Keturunan dari Raja Seberang Laut, ii) Keturunan Raja Kebayat Negara, iii) Keturunan Raja Bugis dan iv) Keturunan Syaikh Safiauddin. Rujuk; Nik Mohd. Salleh (1980), “Salasilah Raja-Raja Kelantan,” Seminar Sejarah dan Budaya Wilayah Kelantan anjuran Kerajaan Negeri Kelantan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia, 12-15 April, h. 33-49.

<sup>2</sup> Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin dan Norhayati Haji Hamzah (2018), “Perkembangan Islam Di Kelantan: Analisis Terhadap Manuskrip Sejarah Negeri Kelantan,” *Jurnal Al-Tamaddun*, Jil. 13, Bil. 2, h. 133.

<sup>3</sup> Mohd Puaad Abdul Malik dan Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid (2022), “Penulisan Karya Melayu Islam Klasik Abad Ke-17: Perbincangan Karya-Karya Terpilih,” *Jurnal of Al-Tamaddun*, Jil. 17, Bil 2, h. 182.

<sup>4</sup> Mohd. Taib Osman (ed.) (2004), *Hikayat Seri Kelantan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. xi.

Selanjutnya, apabila Dewan Bahasa dan Pustaka bersama Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya menganjurkan bengkel berjudul 'Bengkel Naskhah Kesultanan Melayu Kelantan' pada tahun 2002, muncullah kajian beberapa naskhah berkait negeri Kelantan termasuk *Hikayat Seri Kelantan*. Makalah-makalah tersebut kemudian diterbitkan dalam buku berjudul *Kesultanan Melayu Kelantan* pada tahun 2006.<sup>5</sup> Mohd Taib Osman di dalam makalahnya berjudul "*Hikayat Seri Kelantan: Manifestasi Sebuah Peradaban dan Pernyataan Sosiopolitik Sebuah Negeri dalam Sejarahnya*," mengupas secara umum kandungan naskhah serta memberi fokus kepada konsep tatanegara (Kelantan) dari sudut peradaban menurut catatan pengarangnya.<sup>6</sup> Bazrul Bahaman yang menulis makalah "*Analisis Motif Politik dalam Hikayat Seri Kelantan*" pula memerihalkan motif kepengarangan naskhah bagi aspek mitos asal-usul dan kisah penggantian raja.

Motif peperangan turut dimasukkan tetapi beliau melihatnya dari sudut faktor dan konseptual seperti perbalahan dua negara (Pasir Mas – Kubang Labu, Kelantan – Siam), penderhakaan, perkahwinan dan sebagainya secara sepintas lalu.<sup>7</sup> Di dalam tulisan Ahmad Hakimi Khairuddin berjudul "*Sejarah Awal Kelantan Berdasarkan Teks Riwayat Kelantan dan Hikayat Seri Kelantan*," beliau menyenaraikan nama-nama kota di Kelantan sebelum lahirnya kerajaan Kelantan yang berdaulat seperti Kuala Lebir, Negeri Serendah Sekebum Bunga Cerang Tegayung, Jembal dan Kota Jelasin. Bermaksud era pengukenan Dinasti Long Yunus tidak termasuk di dalam skop penulisannya.<sup>8</sup> Berbanding Abu Hassan Sham di dalam "*Perang Saudara di Kelantan: Dilihat daripada Berbagai-bagai Naskhah*," penulisannya yang menyentuh kandungan *Syair Musuh Kelantan*, *Hikayat Seri Kelantan* dan *Riwayat Kelantan* ada menyebut tentang berlakunya perang-perang saudara pada abad ke-19 di Kelantan tetapi hanya sebagai catatan ringkas.<sup>9</sup> Hal ini bermaksud, setiap penulis sedar tentang kepentingan *Hikayat Seri Kelantan* sebagai sumber sejarah khususnya berkait pengelasan dinasti Long Yunus dan perang saudara namun tidak membincangkannya secara terperinci.

Konflik dan perang saudara yang meletus di Kelantan merupakan episod penting terhadap pengukenan Dinasti Long Yunus. Rahmat Saripan di dalam bukunya *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan, 1776-1842* menyatakan bahawa dari tahun 1776-1800, pengukenan kerajaan Kelantan ini adalah di bawah naungan Terengganu.<sup>10</sup> Perkara ini benar namun tidak menolak peranan Long Yunus sebagai pendiri sebuah kerajaan berdaulat. Seperti catatan Abdul Razak dalam "*Salasilah Raja-raja Kelantan Sejak Long Yunus hingga Sultan Muhammad IV*," Long Yunus adalah "... yang pertama bagi wangsa pemerintah Kelantan."<sup>11</sup>

Kedua-dua sumber ini kemudian memerihalkan beberapa perang saudara berlaku pada abad ke-19, iaitu antara Tengku Muhammad (Yang Di Pertuan) dengan anak-anak Long Yunus terutama Sultan Muhammad I, mahupun antara Long Tan/Long Senik Mulut Merah dengan Long Jenal sehingga melibatkan kuasa luar seperti Patani dan Siam dalam perang saudara tersebut. Seperkara yang boleh diperjelaskan, setiap pihak yang bertanding itu membawa legasi Long Yunus sebagai waris yang berhak ke atas takhta. Justeru, konflik ini secara tidak langsung mengukuhkan dinasti sedia ada. *Hikayat Seri Kelantan* memuatkan episod perang saudara ini dalam konteks sudut pandang dan kecenderungan tertentu penulisnya. Oleh itu, kajian terhadap naskhah sebegini penting dalam memberi kefahaman budaya politik yang mempengaruhi gaya penulisan pada zamannya.

<sup>5</sup> Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (ed.) (2006), *Kesultanan Melayu Kelantan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>6</sup> Mohd. Taib Osman (2006), "*Hikayat Seri Kelantan: Manifestasi Sebuah Peradaban dan Pernyataan Sosiopolitik Sebuah Negeri dalam Sejarahnya*," dalam Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (ed.), *Kesultanan Melayu Kelantan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1-38.

<sup>7</sup> Bazrul Bahaman (2006), "*Analisis Motif Politik dalam Hikayat Seri Kelantan*," dalam Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (ed.), *Kesultanan Melayu Kelantan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 48-67.

<sup>8</sup> Ahmad Hakimi Khairuddin (2006), "*Sejarah Awal Kelantan Berdasarkan Teks Riwayat Kelantan dan Hikayat Seri Kelantan*," dalam Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (ed.), *Kesultanan Melayu Kelantan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 68-84.

<sup>9</sup> Abu Hassan Sham (2006), "*Perang Saudara di Kelantan: Dilihat daripada Berbagai-bagai Naskhah*," dalam Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (ed.), *Kesultanan Melayu Kelantan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 112-121.

<sup>10</sup> Rahmat Saripan (1979), *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan 1776-1842*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 28.

<sup>11</sup> Abdul Razak @ Mohamad Mahmud (2017), "*Salsilah Raja-raja Kelantan Sejak Long Yunus hingga Sultan Muhammad V*," dalam Ahmad Rasdan Ismail, Baharin Ilias & Abdul Latiff Abu Bakar (ed.), *Sejarah Kesultanan Melayu Kelantan*, Kota Bharu: Penerbit University Malaysia Kelantan, h. 3.

## **Pengenalan kepada Naskhah *Hikayat Seri Kelantan***

*Hikayat Seri Kelantan* merupakan satu bentuk pensejarahan Melayu tradisional yang sangat besar manfaat dan fungsinya sebagai sumber sejarah. Kajian berhubung karya ini tidak pernah bernoktah lantaran pelbagai aspek yang boleh diketengahkan oleh pengkaji dan peminat naskhah dari mana-mana cabang ilmu sekalipun. *Hikayat Seri Kelantan* sebenarnya merupakan sebuah karya yang terhasil dari gabungan dua buah naskhah. Hal ini dicatatkan oleh penulis/penyalin di dalam naskhah ini sendiri seperti berikut,

Dan ini cetera dua, saya buat satu, iaitu saya ambil daripada cetera Raja Muda satu, yang membawa kepada sayanya Tuan Guru Haji Awan Kenali, dan yang akhir ini saya dapat daripada Wan Ali Pekan, iaitu ia dapat daripada Nik Seri Paduka, sangat-sangat betul.<sup>12</sup>

Kenyataan ini boleh ditafsirkan bahawa *Hikayat Seri Kelantan* itu dihasilkan daripada gabungan naskhah Raja Muda iaitu bagi episod sebelum tertubuhnya Dinasti Long Yunus di Kelantan dan naskhah Nik Seri Paduka bagi episod-episod berikutnya bermula dengan pemerintahan Long Yunus dan berkesinambungan pada keturunannya sehinggalah awal abad ke-20.

Skop penceritaan *Hikayat Seri Kelantan* bermula dari era pemerintahan Cik Siti yang dianggarkan sekitar tahun 1610M dan berakhir hingga pemerintahan Tengku Long Senik yang bergelar Sultan Muhammad IV (1899-1920M). Tidak dipastikan, bilakah bermulanya pengarang atau penyalin menghasilkan karya ini. Akan tetapi, secara jelas dicatatkan di dalam naskhah tarikh *Hikayat Seri Kelantan* selesai ditulis iaitu, “Telah selesailah ini cetera pada malam Raba’ a 9 bulan Rabiulawal tahun 1332 pada waktu jam pukul 9.00 malam.”<sup>13</sup> Bersamaan dengan tarikh masihinya iaitu pada 5 Februari 1914. Biarpun tidak dicatatkan pengarang asal naskhah ini, namun sangat diyakini ia seorang pujangga istana ekoran gaya kepengarangan yang masih stereotaip dengan gaya penulisan naskhah sebelum dan seabad dengannya.<sup>14</sup>

Satu-satunya salinan *Hikayat Seri Kelantan* adalah yang dikaji oleh Mohd. Taib Osman untuk pengajian sarjananya. Naskhah tersebut merupakan salinan fotostat yang beliau peroleh daripada Datuk Paduka Maharaja Lela di Kuala Lumpur, bertulisan jawi tangan. Naskhah ini sebenarnya merupakan sebuah buku tulis berukuran 8.5 inci x 6.9 inci dengan mengandungi 111 halaman. Pada halaman pertamatercatat di sebelah atasnya, “*Hikayat Seri Kelantan*.” Menurut Mohd. Taib Osman,

Naskhah asal ini tertulis dengan dakwat hitam, tetapi pada tempat-tempat seperti permulaan satu-satu cerita atau gelaran-gelaran Siam, dakwat merah juga digunakan. Nombor halaman pada naskhah hanya bermula pada halaman yang ke enam. Pada halaman yang pertama hingga yang ke lima tidak dicatatkan nombor halamannya. Naskhah asal ini masih baik keadaannya, walaupun kertasnya sudah kekuningan sedikit. Tulisannya, pada keseluruhannya, jelas dan terang.<sup>15</sup>

Bahagian awal *Hikayat Seri Kelantan* termuat episod-episod legendaris yang begitu popular kepada masyarakat Kelantan iaitu kisah Cik Siti (Wan Kembang) dan Puteri Saadong. Perkembangan watak-watak ini khususnya Puteri Saadong diwarnai dengan olahan yang mengandungi unsur-unsur magis. Antara episod yang boleh diklasifikasikan sebagai mitos di dalam *Hikayat Seri Kelantan* adalah peristiwa kesaktian Puteri Saadong memindahkan Kota Jelasin bersama seluruh rakyatnya ke dalam hutan di sebuah tempat disebut ‘Mahligai’, peristiwa Maharaja Siam yang mendapat penyakit kayap lantaran terkena sempah

<sup>12</sup> Mohd. Taib Osman (ed.) (2004), *Hikayat Seri Kelantan*, h. 100.

<sup>13</sup> Mohd. Taib Osman (ed.) (2004), *Hikayat Seri Kelantan*, h. 100.

<sup>14</sup> Jurutulis istana dipercayai bermula sebagai penulis surat perutusan diraja. Tugas asas ini kemudian meningkat kepada menyalin kitab, menyusun semula undang-undang dan peraturan (yang lazimnya hanya terekod dalam ingatan para pembesar) seterusnya menyalin hikayat seperti *Hikayat Seri Kelantan* ini. Seseorang pujangga istana lahir terutamanya apabila beliau diarahkan oleh pemerintahnya untuk mengarang sesuatu karya dan memenuhi syarat-syarat/keinginan baginda. Pujangga istana ialah orang yang sangat faham dengan selok-belok kehidupan di istana, adat istiadat, pantang larang, peraturan dan nilai yang dipertahankan di istana, khususnya dalam memperlihatkan kedaulatan dan kedudukan raja. Dalam pada itu, menjadi tradisi seorang pujangga istana, tidak mencatatkan nama mereka dalam karya yang dihasilkan. Hal ini kerana merasakan tidak berhak meletakkan nama mereka kerana nama yang wajar dituliskan pada naskhah berkenaan adalah nama raja yang didaulatkannya. Siti Hawa Salleh (2009), *Kelopak Pemikiran Sastera Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h.131, 135, 143 dan 149.

<sup>15</sup> Mohd. Taib Osman (ed.) (2004), *Hikayat Seri Kelantan*, h. xvi.

*Hikayat Seri Kelantan: Pensejarahan Konflik dan Perang Saudara serta Pengukuhan Dinasti Long Yunus* pinang Puteri Saadong, Puteri Saadong yang hidup semula dengan keajaiban air sakti pemberian bonda angkatnya Cik Siti juga peristiwa Puteri Saadong menghaibkan dirinya dan Sultan Ibrahim beserta keturunan Jembal. Pada bahagian ini pembaca dapat menghayati ketinggian daya imaginasi, kreativiti dan keintelektualan penulis dalam mengarang. Pengisahan berkait Puteri Saadong digarap dengan panjang lebar dan sangat terperinci.

Jalan cerita menjadi lebih realistik apabila masuk era hayat Long Yunus, kisah usaha baginda mengukuhkan kedudukan sehinggalah keturunannya bertakhta di Kelantan. Pembaca dapat memahami sistem beraja (kesultanan) di Kelantan apabila merujuk kepada *Hikayat Seri Kelantan* ini. Lain-lain persoalan politik negeri juga dipaparkan sama ada di peringkat dalaman seperti perebutan takhta, pertelingkahan bersaudara dan pemuafakatan mahupun di peringkat hubungan luar seperti hubungan dengan Terengganu, Patani dan Siam.<sup>16</sup>

Dari segi pentarikan, tahun pertama yang tercatat di dalam naskhah adalah pertama kali negeri Kelantan menghantar bunga emas dan perak ke Siam sebagaimana yang dicatatkan, “Maka adalah pada Tahun Tikus bahasa Siam, Hijrah Nabi 1293, pada masa itulah pemberian hantar bunga emas.”<sup>17</sup> Kemudiannya beberapa tarikh lagi dicatatkan seperti keberangkatan Maharaja Siam ke Kelantan pada 28 Zulhijjah 1305, tarikh pemerintah dan pemimpin-pemimpin Kelantan mengadap Maharaja Siam tersebut sehari kemudiannya, 29 Zulhijjah 1305, tarikh sultan mengadakan mesyuarat dan mengurniakan gelaran pangkat, 1 Muharram 1306, tarikh Sultan Ahmad mulai jatuh sakit, Jamadil Akhir 1307 dan tarikh kemangkatan Sultan Ahmad yang disebut, “... malam Selasa, bulan Rejab 1307, sultan pun sampai hukum kembali ke rahmatullah.”<sup>18</sup>

Pengarang juga mencatatkan sekumpulan utusan dihantar ke Siam untuk memaklumkan kemangkatan Sultan Ahmad tersebut pada 22 Zulkaedah 1307, lalu berikutnya,

Maka raja semua pun bermohon balik pada bulan Muharram 1308, sampai di kuala pada hari Ahad 12 Muharram 1308, naik kapal “Serong Si Dui” Maha Besar tolong tambang. Kun, cunda Pra’ ‘On Si Sandong naik terhenti di kuala semalam, lalu belarak mudik bagaimana adatnya. Sampai, naik taruh di rumah Nik Seri Paduka dan pada 20 Muharram Pra’ ‘On sampai naik berhenti ke rumah yang dibuat dalam Kebun Mesta dan pada 7 Safar, Kun Nyai sampai mari di Singapura dengan orang putih.<sup>19</sup>

Tarikh yang lebih lengkap dicatatkan bagi kemangkatan Sultan Muhammad iaitu pada hari Isnin, 2 Syawal 1308 jam 4.00 petang. Sehinggalah pengakhiran naskhah ini, pengarang sempat mencatatkan bahawa Sultan Mansur mulai demam-demam pada tahun 1317H dan mangkat pada 8 Safar 1317, jam 6.30. Akhirnya disusuli tarikh pengarang selesai dengan kerja kepengarangannya seperti yang disebut sebelum ini pada 9 Rabiul Awal 1332, jam 9.00 malam.<sup>20</sup>

## **Konflik dan Perang Saudara di Kelantan Abad ke-18 hingga ke-19**

*Hikayat Seri Kelantan* adalah sebuah pensejarahan yang bersifat ‘istana sentrik’. Pengarang menggalurkan jalan cerita dengan menjadikan Long Yunus dan kerabatnya sebagai inti karya. Namun sebelum itu, pada bahagian awal karya ini masih penuh dengan kekaburan lantaran percampuran dengan unsur mitos.<sup>21</sup> Episod yang dimaksudkan sebagaimana dinyatakan di atas, kisah Cik Siti sebagai raja asal memerintah Kelantan. Pengarang merawikan asal-usul Cik Siti dari buluh betung dan tanah besar Asia. Pengisahan cerita bersambungan pula kepada pemerintahan Puteri Saadung. Puteri Saadung adalah anak Raja Jembal yang diambil sebagai anak angkat oleh Cik Siti. Beliau kemudian berkahwin dengan Raja Abdullah. Tidak lama

<sup>16</sup> Mohd. Taib Osman (ed.) (2004), *Hikayat Seri Kelantan*, h. xxxii.

<sup>17</sup> Mohd. Taib Osman (ed.) (2004), *Hikayat Seri Kelantan*, h. 75.

<sup>18</sup> Mohd. Taib Osman (ed.) (2004), *Hikayat Seri Kelantan*, h. 89.

<sup>19</sup> Mohd. Taib Osman (ed.) (2004), *Hikayat Seri Kelantan*, h. 90.

<sup>20</sup> Mohd. Taib Osman (ed.) (2004), *Hikayat Seri Kelantan*, h. 100.

<sup>21</sup> Pembuktian sejarah bagi negeri Kelantan pada abad ke-17 amnya memanglah sukar. Ruang yang boleh dianggap vakum dalam sejarah Kelantan bagi abad ke-17 (dan juga sebelumnya) ini telah diakui oleh beberapa sejarawan. Lihat, Rahmat Saripan (1979), *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan 1776-1842*, h. 6; W.A. Graham (1908), *Kelantan: A State of the Malay Peninsula*, Glasgow: Maclehorse, 1908, h. 38; Anker Rentse (1934), “History of Kelantan I,” *JMBRAS*, Jil. XII, Bil. II, h. 44.

selepas itu Raja Siam menyerang Kelantan dan berjaya menawan Puteri Saadong. Kemudian dikatakan Raja Siam terkena penyakit di dadanya lantaran kesaktian Puteri Saadong. Setelah menyembuhkan Raja Siam, Puteri Saadong dihantar pulang ke Kelantan. Namun, kemudian Puteri Saadong membunuh Raja Abdullah yang mengkhianatinya lalu beliau berpindah ke Bukit Marak. Pemerintahan Kelantan diambil alih oleh adinda Raja Abdullah, Raja Ibrahim akan tetapi kerana beliau seorang yang zalim, beliau lalu dijatuhkan.

Apabila kita meneliti naskhah Melayu, kadang kala kita berhadapan dengan episod yang sukar ditentukan kebenaran sejarahnya termasuklah perang. Dari segi realiti, penaungan Siam ke atas Kelantan adalah fakta sejarah yang tidak dapat dinafikan. Pengarang *Hikayat Seri Kelantan* menerima kenyataan ini tetapi beliau mencipta mitosnya sendiri supaya citra dan maruah raja serta negerinya tidak terjejas. Dapat digambarkan, kebijaksanaan pengarang mengadaptasi episod perang yang diselitkan dengan unsur mitos dalam menyerlahkan hubungan ini, apabila memperlihatkan Maharaja Siam yang berahi kepada Puteri Saadong sehingga sanggup melancarkan perang ke Kelantan.

Selepas itu, dari halaman 21 hinggalah ke pengakhiran, jalan cerita *Hikayat Seri Kelantan* bergerak dengan episod yang berlaku kepada Long Yunus dan anak cucunya. Diceritakan asal-usul atau punca salasilah Long Yunus dari negeri nenda sebelah ayahandanya (Long Sulaiman), raja negeri Kembayat Negara yang diserang oleh China. Kembayat Negara kalah lalu Long Sulaiman dan saudaranya Tuan Kembang Bunga berundur membawa diri hingga ke Patani. Mereka kemudian dibela oleh seorang Orang Besar Patani. Long Sulaiman dikahwinkan dengan puteri Orang Besar tersebut. Hasil perkahwinan inilah lahirnya Long Yunus. Setelah Long Yunus dewasa, beliau diambil sebagai anak angkat dan dipelihara oleh Raja Patani (Nang Chayang) kerana tertarik kepadanya, disebut “budak itu muda lagi molek rupanya.”<sup>22</sup> Namun begitu, Long Yunus kemudian dikatakan menjadi punca kepada penyakit Nang Chayang menyebabkan beliau diusir keluar dari Patani, mengembara sehingga masuk ke Kota Kubang Labu di Kelantan.

Kisah penting adalah episod Long Yunus dan dan sahabatnya Long Jaafar bersabung ayam di Terengganu menentang orang Bugis. Mereka berjaya mendapat kemenangan dan menerima kurnia dari Sultan Terengganu (Sultan Mansur/Tun Dalam). Justeru Sultan Terengganu menghantar Long Yunus dan Long Jaafar kembali ke Kelantan dan mengangkat Long Yunus sebagai pemerintah Kelantan. Bermakna, naskhah ini mengesahkan peranan Long Yunus sebagai pengasas kerajaan Kelantan dan pemula suatu dinasti di Kelantan. Berikutnya adalah episod-episod sepanjang era pemerintahan Long Yunus seperti peristiwa anak Long Yunus iaitu Long Muhammad menyerang Legeh kerana menuntut bela pembunuhan adiknya oleh anak Raja Legeh, suami adiknya sendiri. Diperihalkan juga episod perkahwinan puteri Long Yunus, Encik Ku Tuan Nawi dengan Tengku Muhammad iaitu putera Sultan Mansur Terengganu tadi.


*Hikayat Seri Kelantan* kemudiannya bersambung dengan peristiwa selepas kemangkatan Long Yunus apabila menantunya yang berdarah Terengganu diangkat sebagai Sultan Kelantan. Namun baginda kemudian dijatuhkan oleh putera Long Yunus iaitu Long Muhammad. Hal ini bermaksud, pernah seketika keturunan Long Yunus ini hilang kuasa di Kelantan, namun berjaya dikembalikan oleh puteranya Long Muhammad dan mengukuhkan kembali dinasti Long Yunus. Seterusnya konflik di dalam negeri Kelantan di bawah pemerintahan Long Muhammad (Sultan Muhammad I) seperti peperangan dengan Terengganu dan Patani, hubungan dengan Siam hingga membawa kepada penghantaran bunga emas dan perak, dan berikutnya peristiwa pembunuhan Long Tan.

Selepas kemangkatan Long Muhammad, berlaku pula perang saudara melibatkan perebutan takhta kerajaan Kelantan iaitu antara putera-putera Long Yunus dengan bapa saudara mereka Long Jenal (Zainal). Peperangan ini tidak berjaya menggugat kewibawaan dinasti Long Yunus malahan lebih mengukuh apabila Long Senik Mulut Merah (Sultan Muhammad II) ditabalkan ke atas takhta. Antara keturunan Long Yunus yang memerintah Kelantan seperti yang dicatatkan di dalam naskhah ini adalah, Long Muhammad, Long Senik Mulut Merah, Sultan Ahmad, Sultan Muhammad III, Sultan Mansur dan Sultan Muhammad IV (Tengku Long Senik). Peristiwa terakhir yang terkandung di dalam naskhah ini adalah episod Tengku Long

---

<sup>22</sup> Mohd. Taib Osman (ed.) (2004), *Hikayat Seri Kelantan*, h. 23.

*Hikayat Seri Kelantan: Pensejarahan Konflik dan Perang Saudara serta Pengukuhan Dinasti Long Yunus* Senik ke Bangkok untuk mengkaji semula perjanjian di antara Siam dengan Kelantan. Rajah 1 memperlihatkan hubungan kekeluargaan antara individu-individu yang terbabit dalam konflik dan perang saudara di Kelantan seperti Long Yunus, Long Muhammad, Tengku Muhammad, Long Senik Mulut Merah, Tengku Sulong dan Long Zainal sebagaimana yang terkandung di dalam *Hikayat Seri Kelantan*. Manakala Jadual 1 menjelaskan turutan senarai pemerintah kerajaan Kelantan yang membuktikan pengukuhan Dinasti Long Yunus di atas takhta Kesultanan Kelantan.



**Jadual 1: Turutan Senarai Pemerintah Kerajaan Kelantan (Dinasti Long Yunus) Seperti Catatan *Hikayat Seri Kelantan***

Bil.	Nama	Tempoh Pemerintahan
1	Long Yunus bin Long Sulaiman	1776-1795
2	Tengku Muhammad bin Tuan Dalam @ Sultan Mansur I (Terengganu)	1795-1800
3	Sultan Muhammad I bin Long Yunus (Long Muhammad)	1800-1837
4	Long Zainal bin Long Yunus	1837-1838
5	Sultan Muhammad II bin Long Tan (Long Senik Mulut Merah)	1838-1886
6	Sultan Ahmad bin Sultan Muhammad II (Tengku Sulong @ Tengku Ahmad)	1886-1889
7	Sultan Muhammad III bin Sultan Ahmad (Tengku Kundur)	1889-1891
8	Sultan Mansur bin Sultan Ahmad (Tengku Mansur)	1891-1899
9	Sultan Muhammad IV bin Sultan Muhammad III (Tengku Senik)	1899-1920

Sumber: Diubahsuai dari, Rahmat Saripan (1979), *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan, 1776-1842*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 286; Ahmad Rasdan Ismail, Baharin Ilias dan Latiff Abu Bakar (2017), *Sejarah Kesultanan Melayu Kelantan*, Kota Bharu: Penerbit UMK, h. 22-24.

## **Analisis terhadap Hikayat Seri Kelantan tentang Konflik dan Perang Saudara di Kelantan**

George Coedes dan Paul Wheatley telah menulis sejarah Kelantan era pra-Melaka lagi. Pada tempoh tersebut, pengaruh kerajaan Hindu-Buddha seperti Khmer dan Srivijaya dapat dilihat di Kelantan.<sup>23</sup> Dalam pada itu, sumber yang sama turut memerihalkan tentang kedudukan Kelantan pada abad ke-14 yang dipengaruhi oleh kerajaan Sukhotai dan Majapahit. *Sulalatus Salatin* pula mencatatkan keadaan Kelantan pada abad ke-15 apabila menyebut, “Pada zaman itu Kelantan negeri besar lebih dari Patani,”<sup>24</sup> sehingga kemudian mendorong Sultan Melaka, Sultan Mahmud Shah (1488-1528) menawan negeri ini dan mengahwini puteri Kelantan yang bernama Onang Kening.<sup>25</sup> Apabila Melaka ditawan Portugis, Kelantan berpindah pula hubungan tradisionalnya dengan waris yang sama di Johor. Malahan, Raja Hussein, putera Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Syah (1580-1591) Johor, pernah menjadi sultan Kelantan. Menurut *Chetera Kelantan* baginda merupakan pemerintah sebelum Cik Siti Wan Kembang.<sup>26</sup> Selepas era ini, banyak kekaburan di dalam sejarah Kelantan. Sebagaimana yang tercatat di dalam *Hikayat Seri Kelantan* juga sumber-sumber tradisional yang lain, kekaburan ini berlaku lantaran Kelantan telah berpecah-pecah di awal abad ke-17 setelah terlepas daripada pengaruh kekuasaan Johor. Beberapa orang raja menguasai negeri masing-masing pada abad ke-17 dan ke-18 seperti Kota Jembal, Kota Jelasin, Kota Mahligai, Kota Teras dan Kota Kubang Labu.<sup>27</sup>

*Hikayat Seri Kelantan* ada memerihalkan tiga peristiwa perang yang melibatkan perebutan takhta. Dua kali perang berlaku antara Kelantan – Terengganu dan sekali perang saudara yang bersifat dalaman. Dalam episod pertama iaitu usaha Long Yunus menduduki takhta Kelantan, *Hikayat Seri Kelantan* tidak menggarapnya dengan mendalam malah boleh dikatakan sengaja meninggalkan episod perang yang merupakan babak penting dalam peristiwa ini. Menurut *Hikayat Seri Kelantan*, apabila Long Yunus disingkirkan dari istana Patani, beliau membawa diri ke Kota Kubang Labu, Kelantan lalu dipelihara oleh Raja Kota Kubang Labu. Beliau kemudian bertemu dan bersahabat dengan Long Jaafar yang keluar dari tanah asalnya di Reman. Apabila Kota Kubang Labu diserang oleh Raja Pasir Emas Seberang Legeh, maka Long Yunus dan Long Jaafar membawa diri ke Terengganu lalu dipelihara oleh Raja Terengganu.<sup>28</sup>

Kejayaan Long Yunus mengasaskan kesultanan Kelantan diperihalkan di dalam *Hikayat Seri Kelantan* tanpa unsur peperangan. Menurut naskhah ini, Raja Terengganu telah dicabar oleh orang Bugis untuk bersabung ayam dan sebagai ganjarannya jika menang, Raja Terengganu akan mendapat tujuh buah kapal dagang berserta isinya. Sultan Terengganu pula mempertaruhkan negeri Terengganu dalam sabungan ayam itu. Di sinilah ditonjolkan peranan Long Yunus dan sahabatnya Long Jaafar yang memiliki seekor ayam sabungan. Long Yunus dan Long Jaafar yang mewakili Terengganu, menang dalam sabungan itu sekaligus menyelamatkan maruah sultan dan negeri Terengganu. Sebagai imbuhan, Sultan Terengganu bersetuju untuk memenuhi sebarang permintaan mereka berdua. Long Yunus yang meminta untuk dirajakan di Kelantan, telah diiringi pembesar-pembesar Terengganu ke Kelantan dan ditabalkan tanpa sebarang tentangan.<sup>29</sup>

Periwayatan ini berbeza dengan naskhah H. Marriot iaitu sumber sebelah Terengganu. Sedikit pengenalan berhubung naskhah ini, pada tahun 1916, seorang penyelidik bernama H. Mariott menemui sebuah manuskrip di Terengganu, menterjemahnya ke Bahasa Inggeris dan menerbitkannya di dalam *JSBRAS*

<sup>23</sup> George Coedes (1968), *The Indianized States of Southeast Asia*, Susan Brown Cowing (pent.), Kuala Lumpur: University of Malaya Press, h. 51, 184 & 231; Paul Wheatley (1966), *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, h. 79, 97, 240, 258, 300, 302 & 319.

<sup>24</sup> Beberapa aspek tentang sejarah Patani, juga hubung kait kesultanan ini dengan Kelantan, rujuk; Nik Anuar Nik Mahmud (1999), *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia; Nik Anuar Nik Mahmud dan Mohd. Zamri A. Malek (2007), *Tamadun dan Sosio-Politik Melayu Patani*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia; Ibrahim Syukri (2002), *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>25</sup> W. G. Shellabear (pengusaha) (1990), *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 152. Kenyataan yang menyebut tentang kebesaran Kelantan ini sememangnya mirip dengan catatan British yang menyebut “Kelantan existed as a State at the close of the 15<sup>th</sup> century, and before the arrival of the Portuguese, but of the time or the manner in which it was founded nothing is known.” Lihat, FO 881/6496 (1891), “Precis of Information Concerning the Straits Settlements and the Native States of the Malay Peninsula,” h. 170.

<sup>26</sup> Rahmat Saripan (1979), *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan, 1776-1842*, h. 6; Nik Mohd. Salleh (1980), “Salasilah Raja-Raja Kelantan,” h. 22.

<sup>27</sup> Rahmat Saripan (1979), *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan, 1776-1842*, h. 7.

<sup>28</sup> Mohd. Taib Osman (ed.) (2004), *Hikayat Seri Kelantan*, h. 24-29.

<sup>29</sup> Mohd. Taib Osman (ed.) (2004), *Hikayat Seri Kelantan*, h. 29-33.



*Hikayat Seri Kelantan: Pensejarahan Konflik dan Perang Saudara serta Pengukuhan Dinasti Long Yunus* dengan judul “A Fragment of the History of Trengganu.”<sup>30</sup> Keseluruhannya naskah ini menghuraikan pergelutan politik yang berlaku sepanjang tahun 1770-an hinggalah tahun 1835. Beberapa konflik dalaman diutarakan seperti konflik Kelantan - Terengganu, konflik perebutan takhta dan penglibatan Siam dalam konflik-konflik tertentu.<sup>31</sup>

Menurut Muhammad Yusoff Hashim, “... bukti dokumen bertulis di atas kertas yang pernah ditemui, inilah satu-satunya hasil sastera bercorak sejarah yang wujud di Terengganu sebelum penghujung abad ke-19.”<sup>32</sup> Naskah ini dikarang oleh seorang yang bernama Haji Abdullah pada tahun 1876. Seperti yang dinyatakan oleh Marriott, naskah asal disimpan oleh Datuk Mata-Mata Terengganu bernama Datuk Seri Nara Wangsa Mohd. Ali Abdul Rahim.

Skop penceritaannya tidak begitu panjang. Kisah yang diperihalkan adalah sekitar pemerintahan sultan Terengganu yang kedua, Sultan Mansur (1733-1794). Pensejarahan Kelantan turut termuat apabila dikisahkan keturunan Raja-raja Kelantan berpunca dari Datuk Wan sehinggalah Datuk Pasir, Tuan Besar dan Tuan Lun Nik. Pensejarahan Terengganu pula dimulakan dengan kisah asal usul Long Derahman dari Legeh, iaitu saudara kepada Long Man, penglibatan beliau dalam konflik di Kelantan sehinggalah meletakkan Long Pandak sebagai pemerintah Kelantan. Permulaan naskah dicatatkan,

Bismillahi al-Rahman al-Rahim Rabbi al-arasy al-Karim. Bahawa ini suatu cerita daripada khabar orang tua-tua akan setengah daripada silsila daripada Petani sampai ke Kelantan dan akan setengah daripada hal Marhum Besar, iaitu Sultan Mansur bin Zainal-Abidin bin Abdul Majid, tatkala ia berangkat ke Petani, hingga sampai kepada zaman puteranya, iaitu Sultan Zainal-Abidin, berangkat ia ke Kelantan, berhenti dalam Besut.<sup>33</sup>

Naskah H. Marriot secara jelas memaparkan peristiwa peperangan yang meletus akibat usaha Long Yunus untuk merebut takhta negeri Kelantan dengan mendapatkan bantuan Terengganu. Oleh itu, Sultan Mansur membantu menyediakan angkatan tentera untuk menyerang Kelantan yang waktu itu dipegang oleh Long Pandak. Peperangan meletus dalam tiga siri. Pada serangan yang pertama, angkatan Terengganu bersama Long Yunus berjaya menyingkirkan Long Pandak yang kemudian berundur ke Legeh. Oleh itu Sultan Terengganu meletakkan Long Yunus di atas takhta kerajaan Kelantan. Tidak lama kemudian, Long Pandak kembali ke Kelantan dengan bantuan angkatan perang daripada Long Derahman menyerang Long Yunus. Long Yunus telah ditewaskan menyebabkan beliau kembali berundur ke Terengganu. Long Yunus berusaha sekali lagi mendapatkan bantuan Terengganu dan Sultan Mansur juga sekali lagi menyediakan angkatan perang membantu Long Yunus. Akan tetapi pada kali ini tiada peperangan yang meletus kerana kedua-dua pihak bersetuju untuk berunding di Setiu. Long Derahman dan Sultan Mansur bersetuju untuk mengekalkan Long Pandak sebagai Raja Kelantan dan Long Yunus diangkat sebagai Raja Muda.<sup>34</sup> Perdamaian ini tidak lama kerana kemudiannya Long Yunus telah difitnah menyebabkan beliau berundur sekali lagi ke Terengganu. Peperangan yang ketiga meletus, Sultan Mansur terus membantu Long Yunus dan Long Pandak berjaya ditumpaskan.<sup>35</sup> Dengan kekalahan Long Pandak, akhirnya Long Yunus ditabalkan sebagai Raja Kelantan dan kedudukannya diabsahkan oleh Sultan Terengganu.<sup>36</sup> Menurut Rahmat Saripan, Sultan Mansur menabalkan Long Yunus sebagai Raja Kelantan pada tahun 1776 dan baginda kekal di atas takhta Kelantan sehinggalah tahun 1795.<sup>37</sup>

<sup>30</sup> H. Marriot (1916), “A Fragment of the History of Trengganu,” *JSBRAS*, Jil. 72.

<sup>31</sup> Muhammad Yusoff Hashim (1991), *Terengganu Darul Iman, Tradisi Pensejarahan Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 3.

<sup>32</sup> Muhammad Yusoff Hashim (1991), *Terengganu Darul Iman, Tradisi Pensejarahan Malaysia*, h. 2.

<sup>33</sup> “Naskhah H. Marriott,” h. 842. Lampiran 3 (hlm. 842-849) yang terkandung di dalam Muhammad Yusoff Hashim, *Terengganu Darul Iman, Tradisi Persejarahan Malaysia*. Selepas ini disebut “Naskhah H. Marriott” sahaja.

<sup>34</sup> *Ibid.*, h. 844.

<sup>35</sup> *Ibid.*

<sup>36</sup> Perlantikan ini secara am bermaksud Kelantan duduk di bawah naungan Terengganu. Naungan ini terbukti apabila Sultan Mansur Terengganu berperanan melantik puteranya sendiri, Tengku Muhammad yang juga menantu Long Yunus sebagai Raja Kelantan selepas kemangkatan Long Yunus. Peristiwa ini mempamerkan pengaruh Terengganu yang jelas kerana Long Yunus sendiri mempunyai beberapa orang putera seperti Long Muhammad, Long Zainal dan Long Tan. Rujuk, Abdullah Zakaria Ghazali (1998), “Perang Melayu: Satu Tinjauan Mengenai Isu Utama,” dalam Hashim Awang, Zahir Ahmad dan Zainal Abidin Borhan (ed.), *Pengajian Sastera dan Sosiobudaya Melayu Memasuki Alaf Baru*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, h. 262.

<sup>37</sup> Rahmat Saripan (1979), *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan, 1776-1842*, h. 9.

Tindakan pengarang *Hikayat Seri Kelantan* tidak memasukkan episod bantuan perang oleh Terengganu kepada Long Yunus tidaklah menghairankan. Menurut Rahmat Saripan,

*Hikayat Seri Kelantan* nampaknya cuba memperkecilkan kepentingan bantuan Terengganu sedangkan sumber Terengganu [naskhah H. Marriott] memperlihatkan bagaimana kempen-kempen mendaulatkan Long Yunus sebagai pemerintah yang bernaung di bawah Kesultanan Terengganu yang dipegang oleh Sultan Mansur Syah.<sup>38</sup>

Situasi kepengarangan sebegini sememangnya lazim dilakukan oleh pengarang. Sesuatu episod itu kadang kala diperkecil-kecilkan atau disembunyikan untuk disesuaikan dengan kepentingan pemerintah/raja/keturunan pemerintah yang menjadi tulang jalan ceritanya supaya tidak hingga mengagungkan dinasti lain lebih dari kerajaannya. Malahan fungsi Long Yunus lebih ditonjolkan apabila berperanan menyelamatkan maruah Terengganu dalam episod sabungan ayam tadi. Dalam konteks pensejarahan Melayu, unsur bias sebegini amat kerap ditemui kerana ingin menggambarkan citra kebesaran kerajaan dan juga jati diri penulisnya. Namun begitu, sama ada dengan sudut pandangan Kelantan seperti di dalam *Hikayat Seri Kelantan* atau melalui sudut pandangan sumber Terengganu, kedua-dua naskhah ini mengesahkan bahawa Long Yunus lah pengasas kesultanan Kelantan. Selain itu, penglibatan Terengganu dalam peristiwa pengasasan ini bagi kedua-dua sudut pandangan tidak dinafikan. Justeru adalah jelas, baginda merupakan tokoh pertama yang menduduki takhta Kelantan sebagai sebuah negeri berdaulat dengan menggabungkan negeri-negeri kecil ke dalam pentadbirannya. Baginda jugalah yang memulakan dinasti Long Yunus di Kelantan.

*Hikayat Seri Kelantan* seterusnya turut menggalurkan episod konflik saudara yang meletus di Kelantan yang kemudian merebak sebagai perang Kelantan – Terengganu. Peristiwa ini berlaku misalnya semasa Kelantan di bawah pemerintahan Tengku Muhammad, putera Sultan Mansur Terengganu.<sup>39</sup> Tengku Muhammad adalah menantu Long Yunus yang dilantik sebagai Yang Di Pertuan Kelantan selepas kemangkatan Long Yunus.<sup>40</sup> Hal ini bermaksud, dari tahun 1795-1800, takhta Kelantan dipegang oleh keluarga Terengganu dan bukan dinasti Long Yunus. *Hikayat Seri Kelantan* menyebut putera-putera Long Yunus mula merasa tidak berpuas hati dengan pemerintahan Tengku Muhammad. Punca ketidakpuasan hati adalah kerana,

Yang Dipertuan Kelantan pun fikir ia lah lebih sekali, maka ia pun tiada berapa hirau kepada anak-anak Almarhum Long Yunus itu. Maka lalu anak-anak Almarhum Long Yunus pun berasa malu kepadanya itu dengan sebab Yang Dipertuan Kelantan buat tiada hirau kepada sekalian anak-anak Almarhum Long Yunus itu.<sup>41</sup>

Selain itu, tidak mustahil juga konflik dan penentangan ini muncul kerana anak-anak Long Yunus merasakan merekalah yang lebih berhak ke atas pewarisan takhta Kelantan.<sup>42</sup>

Selain faktor utama kerana merebut takhta, konflik ini tercetus kerana didorong oleh sikap Tengku Muhammad yang sangat memberatkan Terengganu sehingga membawa masuk ramai kerabat dari Terengganu sebagai pembesar kerajaan Kelantan. Selain itu, menurut *Chetera Kelantan*, kemuncak rasa

---

<sup>38</sup> Ibid., h. 33.

<sup>39</sup> *Hikayat Seri Kelantan* hanya menyebut baginda sebagai, ‘anak Raja Terengganu’ dan ‘Yang Di Pertuan Terengganu’ selepas baginda menduduki takhta. Tengku Muhammad merupakan putera Sultan Mansur Terengganu yang berkahwin dengan puteri Long Yunus bernama Tengku Nawi. Apabila Long Yunus mangkat, Tengku Muhammad berjaya mempengaruhi pembesar-pembesar negeri sehingga beliau ditabalkan sebagai Yang Dipertuan Kelantan. Long Yunus pula sebenarnya mempunyai putera sulung bernama Long Muhammad yang layak menggantikannya, namun beliau bukan anak gahara. Status ini melemahkan kedudukan Long Muhammad sebagai pengganti Long Yunus sedangkan Tengku Muhammad merupakan anak seorang raja penaung Kerajaan Kelantan serta mempunyai pengaruh politik dalam kalangan kerabat diraja Kelantan.

<sup>40</sup> Menurut *Rengkas Cetera Kelantan*, Tengku Muhammad dilantik secara sementara untuk membolehkan jenazah Long Yunus dimakamkan. Apabila sampai seratus hari, baru perbincangan diadakan untuk menentukan Raja Kelantan yang sebenar. Namun, selepas upacara jamuan seratus hari diadakan, Orang Besar Terengganu yang datang ke Kelantan membuat pakatan dengan putera-putera Long Yunus lalu melantik Tengku Muhammad sebagai Yang Di Pertuan Kelantan yang sah. Biarpun begitu, perlantikan ini tidak menyenangkan hati putera-putera Long Yunus. Lihat, Abdullah Zakaria Ghazali (2007), “Kelantan Sehingga Tahun 1900: Peristiwa-peristiwa Penting Dalam Sejarah,” dalam *Kelantan Dahulu dan Sekarang*, Abdullah Zakaria Ghazali dan Zahir Ahmad (editor), Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, h. 153-154.

<sup>41</sup> Mohd. Taib Osman (ed.) (2004), *Hikayat Seri Kelantan*, h. 46.

<sup>42</sup> Mohd. Taib Osman (ed.) (2004), *Hikayat Seri Kelantan*, h. 46.

*Hikayat Seri Kelantan: Pensejarahan Konflik dan Perang Saudara serta Pengukuhan Dinasti Long Yunus* tidak puas hati berlaku apabila Tengku Muhammad memutuskan untuk mengahwinkan puterinya dengan Tengku Zainal Abidin II, bakal Sultan Terengganu, suatu rancangan merapatkan lagi hubungan Kelantan-Terengganu tersebut.<sup>43</sup>

Selanjutnya anak-anak Long Yunus berpakat dengan bapa saudara mereka Engku Kelucur, melancarkan perang ke atas Yang Dipertuan Kelantan (Tengku Muhammad). Kota Galoh, tempat bersemayam Yang Di Pertuan Kelantan diserang pada tahun 1800 dan mereka berjaya menyingkirkan Tengku Muhammad yang terpaksa berundur ke Terengganu.<sup>44</sup> Oleh itu putera-putera Long Yunus berjaya merampas kembali takhta kerajaan Kelantan lalu Long Muhammad (putera sulung Long Yunus) diangkat menjadi Raja Kelantan. Manakala saudara-saudaranya, Long Jenal (Long Zainal) dilantik sebagai Bendahara manakala Long Tan sebagai Temenggung dan Long Ismail sebagai Raja Muda.<sup>45</sup> Dengan bertakhtanya Long Muhammad ini, dinasti Long Yunus kembali berkuasa dan mengukuhkan kedudukan mereka di Kelantan.

Konflik berterusan melewati tahun 1801 hingga 1802. Selepas kekalahan Tengku Muhammad, Sultan Terengganu, Sultan Zainal Abidin II mengisytiharkan perang ke atas Kelantan dan juga mendapatkan bantuan daripada Patani. Serangan mengejut Terengganu – Patani memaksa putera-putera raja Kelantan tadi berundur ke Ulu Kelantan. Dari Ulu Kelantan, Long Muhammad mendapatkan pula bantuan daripada orang Cina untuk mengukuhkan pasukan mereka. Long Muhammad bersama bantuan orang Cina melancarkan perang dan berjaya merampas kembali takhta Kelantan.<sup>46</sup>

Menurut *Hikayat Seri Kelantan* di dalam perang tahun 1801 – 1802 ini, Long Muhammad bersama adik-beradiknya telah berundur hingga ke Sungai Nal. Di sini mereka bermuafakat lalu menghantar Raja Temenggung ke Hulu Galas untuk mendapatkan bantuan orang Cina di Galas kerana, “... pada masa itu di Galas banyak orang-orang Cina.”<sup>47</sup> Kapitan Cina di Galas menyatakan kesediaan mereka membantu angkatan kelautan yang sedang menghadapi pasukan Terengganu dan Pattani tadi. Menurut *Hikayat Seri Kelantan* lagi, “Maka hilirlah semuanya, Melayu, Cina sampai ke tengah negeri lalu peranglah terlalu besarnya, orang Melayu dengan orang Terengganu, orang Cina berlawan dengan Pattani.”<sup>48</sup> Peperangan berlangsung dan menyebabkan ramai terkorban di kedua-dua belah pihak hingga akhirnya orang Terengganu berundur dan askar Pattani pulang ke negeri mereka dan, “... maka Raja Muhammad pun tetaplah jadi Raja pula di negeri Kelantan.”<sup>49</sup>

Pengarang *Hikayat Seri Kelantan* menyambung lagi bahawa Sultan Zainal Abidin II (Terengganu) sebenarnya belum berputus asa dan bercadang melancarkan lagi serangan. Baginda berjaya mengumpul bala tenteranya belayar hingga ke Kuala Besut. Biarpun begitu, rancangan serangan balas ini dibatalkan kerana ketika mereka sedang dalam persediaan perang, Sultan Zainal Abidin II menerima utusan memaklumkan bahawa permaisuri baginda, sedang dalam kegeringan.<sup>50</sup> Ada juga sumber yang menyebut bahawa Sultan Zainal Abidin II sendiri yang sedang gering pada ketika itu.<sup>51</sup>

Selepas daripada perang perebutan takhta ini, *Hikayat Seri Kelantan* mencatatkan Long Muhammad menghimpun adik-beradik dan kerabatnya menyuarakan,

<sup>43</sup> Rahmat Saripan (1979), *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan, 1776-1842*, h. 10.

<sup>44</sup> Abdullah Zakaria Ghazali (2007), “Kelantan Sehingga Tahun 1900: Peristiwa-peristiwa Penting Dalam Sejarah,” h.155.

<sup>45</sup> Mohd. Taib Osman (ed.) (2004), *Hikayat Seri Kelantan*, h. 47-48.

<sup>46</sup> Rahmat Saripan (1979), *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan, 1776-1842*, h. 11.

<sup>47</sup> Mohd. Taib Osman (ed.) (2004), *Hikayat Seri Kelantan*, h. 49.

<sup>48</sup> Mohd. Taib Osman (ed.) (2004), *Hikayat Seri Kelantan*, h. 50.

<sup>49</sup> Mohd. Taib Osman (ed.) (2004), *Hikayat Seri Kelantan*, h. 49.

<sup>50</sup> Mohd. Taib Osman (ed.) (2004), *Hikayat Seri Kelantan*, h. 51.

<sup>51</sup> Rahmat Saripan (1979), *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan, 1776-1842*, h. 64. Pertabalan Yang Di Pertuan Tengku Muhammad atas takhta Kelantan dilakukan oleh Sultan Zainal Abidin II, Sultan Terengganu yang juga kekandanya. Secara jelas, pertabalan seorang putera raja dari Terengganu untuk memerintah Kelantan menunjukkan politik Kelantan yang bernaung di bawah Terengganu. Penentangan oleh putera-putera Long Yunus terhadap Yang Di Pertuan Tengku Muhammad adalah gambaran penderhakaan golongan diraja Kelantan terhadap Kerajaan Terengganu. Kekalahan pihak Terengganu di Pasir Mas merupakan satu peristiwa penting dalam sejarah penaungan Kelantan kepada Terengganu yang bermula sejak awal pemerintahan Long Yunus. Ia sekaligus memperlihatkan tamatnya hak pertuanan Kerajaan Terengganu ke atas Kelantan. Lihat, Rahmat Saripan (1979), *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan, 1776-1842*, h. 57-64.

Apa kesudahan kita sekarang, awal-awal satu negeri Terengganu sahaja, ini jadi dua, negeri Patani pula. Kita seorang lawan hadapan belakang, tiada siapa-siapa boleh kita perchaya padanya. Jika demikian, baiklah kita kirim tubuh kita sekalian ini kepada negeri luar supaya boleh kuat sedikit.<sup>52</sup>

Rentetan daripada musyawarah tersebut suatu utusan dihantar ke Siam, diturunkan isi surat tersebut di dalam *Hikayat Seri Kelantan* yang antara isinya dicatatkan,

... masuk mari persembah maklum ke bawah duli Chukon Pia Sit Sakrat Chatdi Dichu Chir Mahir Suria Tabdi Upi Piri Bura Kerumpahak Ban Mebla sikat pekerjaan negeri Lenggur Ras Timrat, ... rakyat isi negeri Kelantan telah perhamba berserah ke bawah duli Chukon hendak kirim tubuh sembah ... kerana tiadalah tempat berkirim diri perhamba melainkan yang nampak pada hati perhamba ke bawah duli Chukon yang boleh tolong-menolong perhamba.<sup>53</sup>

Turut dinyatakan dalam naskhah ini yang dipersiapkan emas urai seberat 10 tahlil, cincin bunga nyior 10 urat dan kain putih 10 kayu. Setiba utusan tersebut di Siam, dikurniai pula Long Muhammad itu oleh Maharaja Siam dengan gelaran 'Pia Pipit Pakdi Seri Sultan Muhammad Ratna Nuchit Sita Santuan Seru Bura Wirbu Wangsa ia Kelantan' juga dianugerahkan sepersalinan. *Hikayat Seri Kelantan* juga menjelaskan, selepas sahaja termeterai hubungan dua hala ini, pihak Terengganu mula takut untuk menyerang Kelantan turut sama membuat penghantaran bunga emas dan perak.<sup>54</sup> Menurut, *Hikayat Seri Kelantan* penghantaran bunga emas oleh Kelantan kepada Siam yang berlaku sebaik sahaja selesai pemakaman Sultan Muhammad I (1800-1837) dan Raja Bendahara/Long Jenal (1837-1839) menaiki takhta, "Maka periam bunga emas pun sampai lalu membuat bunga emas bunga perak, dibuat selalu, suruh Nik Kecil yang jadi Datuk Bija Diraja Balanglawan masuk akan Bangkok itu."<sup>55</sup> Kemudian, sekali lagi dinyatakan sebagaimana berikut, "Maka adalah pada tahun tikus bahasa Siam, Hijrah nabi 1293, pada masa itulah pemberian hantar bunga emas."<sup>56</sup>

Episod yang hampir sama juga tercatat di dalam *Ringkasan Citra Kelantan*, malahan peristiwa ini lebih diperincikan. Terengganu dan Patani dicatat mula menyerang Kelantan pada tahun 1216H (1801M). Berikutan perang yang berlanjutan, Sultan Muhammad pun bermesyuarat dengan Bendahara, Raja Muda, Temenggung, Engku Yusuf, Syed Jaafar, Pak Wan Mahmud, Wan Sulaiman dan Tok Penghulu Latif. Mereka lalu mengambil keputusan, 'berkirim diri' kepada Raja Siam. Pak Wan Mahmud lalu diutus membawa surat ke Ligor dan Raja Ligor mengajukan pula surat tersebut ke Bangkok. Sebaik sahaja Raja Siam menerima surat tersebut, bertitah pula ia, "Baiklah apa kesusahan Kelantan kita boleh tolong dan tanggung seperti kesusahan kita juga."<sup>57</sup> *Ringkasan Citra Kelantan* menyambung, bukan Kelantan sahaja, malahan Terengganu juga mengambil tindakan yang sama apabila mengetahui Kelantan itu telah mendapat perlindungan Siam. Raja Terengganu mengirim sembah kepada Raja Singgora yang juga kemudian mengemukakan surat dari Terengganu itu kepada Raja Siam di Bangkok. Menurut naskhah ini lagi hasilnya,

Dari semenjak itu tiadalah berlaku apa-apa pergaduhan lagi di antara Kelantan dengan Terengganu. Dan kembalilah persaudaraannya semula serta masing-masing kerajaan mengantar ufti bunga mas ke benua Siam pada tiap-tiap tiga tahun sekali.<sup>58</sup>

Setelah tamatnya perang Kelantan – Terengganu pada awal abad ke-19 tersebut, struktur kuasa di Kelantan menjadi lebih mantap. Long Muhammad sebagai seorang pemerintah di Kelantan dari wangsa Long Yunus, menjadi pemerintah yang mula-mula menggunakan gelaran sultan mengukuhkan Dinasti Long Yunus.

<sup>52</sup> Mohd. Taib Osman (ed.) (2004), *Hikayat Seri Kelantan*, h. 51.

<sup>53</sup> Mohd. Taib Osman (ed.) (2004), *Hikayat Seri Kelantan*, h. 52.

<sup>54</sup> Sebagaimana dicatatkan di dalam naskhah ini, "Maka jadilah Kelantan, Terengganu sama setuan penghulu masing-masing. Maka pada masa itu tiadalah siapa-siapa berani lagi membuat pergaduhan. Maka pada masa itu Kelantan, Terengganu, buat janji hantar bunga emas tiga tahun sekali hantarnya." Lihat, Mohd. Taib Osman (ed.) (2004), *Hikayat Seri Kelantan*, h. 54.

<sup>55</sup> Mohd. Taib Osman (ed.) (2004), *Hikayat Seri Kelantan*, h. 56.

<sup>56</sup> Mohd. Taib Osman (ed.) (2004), *Hikayat Seri Kelantan*, h. 75.

<sup>57</sup> Nik Mahmud Ismail (1934), *Ringkasan Citra Kelantan*, Kota Bharu: The al-Assasyiah Press Co., h. 35. (jawi)

<sup>58</sup> Nik Mahmud Ismail (1934), *Ringkasan Citra Kelantan*, h. 36.

Kejayaan Long Muhammad mempertahankan kedudukan baginda sebagai pemerintah Kelantan yang berdaulat telah berjaya memperkukuhkan dinasti Long Yunus ini. Tindakan baginda mendapatkan bantuan Siam juga merupakan salah satu cara pengukuhan tersebut. Namun tidak dinafikan peristiwa ini membawa penglibatan Siam di Kelantan secara berpanjangan sehingga awal abad ke-20.<sup>59</sup>

Konflik perebutan takhta Kelantan meletus sekali lagi selepas kemangkatan Sultan Muhammad I pada tahun 1837. Menurut *Hikayat Seri Kelantan*, Sultan Muhammad I tidak mempunyai putera. Oleh itu baginda mengambil anak saudaranya Raja Long Senik Mulut Merah putera Raja Temenggung Long Tan sebagai anak angkat. Oleh kerana begitu sayangkan Long Senik Mulut Merah, Sultan Muhammad I telah menghantar surat kepada Raja Ligor memaklumkan tentang kedudukan Long Senik Mulut Merah sebagai bakal pengganti baginda kelak.<sup>60</sup> Namun begitu, apabila Sultan Muhammad I mangkat, Majlis Mesyuarat dan Muafakat negeri Kelantan telah menabalkan saudara Sultan Muhammad I iaitu Raja Bendahara Long Zainal/Long Jenal sebagai Yang Dipertuan Kelantan.<sup>61</sup>

Dari sudut pandangan lain, selepas Sultan Muhammad I mangkat pada tahun 1837, ada dua orang saudara baginda (juga putera-putera Long Yunus) yang wajar dipertimbangkan sebagai pengganti iaitu Engku Kota dan Long Zainal (Jenal). Walau bagaimanapun Engku Kota telah menarik diri dari pencalonannya dalam Majlis Mesyuarat dan Muafakat yang diadakan sebelum jenazah Sultan Muhammad I dikebumikan. Biarpun Sultan Muhammad I telah menamakan putera Long Tan, Long Senik sebagai pengganti baginda, namun tuntutan Long Senik ke atas takhta berasaskan wasiat itu telah diketepikan kerana Long Zainal berjaya mengemukakan tuntutannya dalam Majlis tersebut. *Shair Musuh Kelantan* misalnya menggambarkan, dalam Majlis Mesyuarat dan Muafakat tersebut Long Senik tidak dapat berbuat apa-apa apatah lagi anggota-anggotanya adalah golongan tua kerabat yang dihormati seperti dicatatkan, "... tunduk tidak berkata-kata menjadi payah hendak berkata, kerana berkapit dengan Engku Kota."<sup>62</sup> *Shair Musuh Kelantan* juga pernah mencatatkan bahawa sememangnya sudah wujud persengketaan antara Long Senik Mulut Merah dan saudara-saudaranya dengan Long Zainal dan Engku Kota sebelum kemangkatan Sultan Muhammad I lagi. Malahan terdapat sumber yang menegaskan bahawa Long Zainal memang memusuhi putera-putera Long Tan.<sup>63</sup> Putera-putera Long Tan sendiri biarpun akur dengan keputusan Majlis Mesyuarat dan Muafakat, namun mereka tidak memberikan ketaatan kepada Yang Di Pertuan Long Zainal. *Shair Musuh Kelantan* mencatatkan huru-hara timbul kerana Long Zainal tidak dapat mengawal kegiatan rakyat dan putera-putera raja yang cuba membebaskan diri dari perintah Yang Di Pertuan.<sup>64</sup>

<sup>59</sup> Tahun 1902 dilihat Siam mula terlibat secara rasmi dalam urusan pentadbiran negeri Kelantan dengan termeterainya Perjanjian Siam-Kelantan. Rujuk, Mohamad Roslaily Rosdi, Azmi Arifin and Rasyidah Arshad (2022) Pembaharuan sistem perundangan Kelantan di bawah pentadbiran Siam-British, 1902–1915, *Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities*, Jil. 29, Bil. 2, h. 75.

<sup>60</sup> Mohd. Taib Osman (ed.) (2004), *Hikayat Seri Kelantan*, h. 54-55.

Ayahanda Long Senik Mulut Merah, Raja Temenggung (Long Tan) mempunyai pegangan atas jajahan Galas yang kaya dengan hasil penambangan emas dan cukai dengan pedagang-pedagang khususnya Cina. Pelantikan dan hubungan erat antara Sultan Muhammad dengan keluarga Raja Temenggung ini menimbulkan perasaan iri hati Raja Bendahara Long Zainal. Hal ini kerana Raja Temenggung bukan sahaja menjadi orang kanan sultan dalam hal-ehwal peperangan dan keamanan tetapi juga mempunyai pengaruh yang besar ekoran kekayaan dari hasil jajahan Galas itu. Sebenarnya banyak sekali isu yang mendasari perebutan takhta Kelantan selepas kemangkatan Sultan Muhammad I ini seperti tradisi penggantian, anak gahara atau bukan, tiada waris (Sultan Muhammad tiada mempunyai anak), pengaruh keluarga Raja Temenggung juga peranan Majlis Mesyuarat dan Muafakat. Maklumat lanjut sila rujuk, Rahmat Saripan (1979), *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan, 1776-1842*, h. 89-113.

<sup>61</sup> Abdullah Zakaria Ghazali (1998), "Perang Melayu: Satu Tinjauan Mengenai Isu Utama," h. 262.

Politik negeri Kelantan sesungguhnya melewati situasi sukar dalam era ini. Ketika pemerintahan Sultan Muhammad I, muncul pihak-pihak yang cuba mengembangkan kuasa mereka khususnya Raja Bendahara Long Zainal dan Raja Temenggung Long Tan. Long Tan berupaya membangun sebagai seorang tokoh politik terkemuka dalam kalangan kerabat diraja adalah pertama kerana kekayaan melalui pegangannya di Galas dan kedua kerana puteranya dijadikan putera angkat oleh Sultan Muhammad I. Tokoh yang bertentangan adalah Long Zainal. Beliau pernah melibatkan Kerajaan Kelantan dalam kebangkitan orang Melayu Patani terhadap kekuasaan Siam di Patani. *Hikayat Seri Kelantan* menyatakan, penglibatan beliau ini terjadi kerana Raja Patani itu adalah putera Long Zainal sendiri. Namun kebangkitan tersebut telah ditumpaskan oleh angkatan Siam dan Long Zainal terpaksa berundur kembali ke Kelantan. Kegagalan Long Zainal menumpaskan kekuasaan Siam di Patani tidak melemahkan semangatnya untuk memperluaskan pengaruhnya. Malahan, Long Zainal dirawikan di dalam *Hikayat Seri Kelantan* sebagai perencana dalam melaksanakan rancangan kejam terhadap Raja Temenggung Long Tan. Menurut naskhah ini, "Maka raja Bendahara sangat-sangat menaruh dengki kepada Raja Temenggung sebab Raja Kelantan kasih kepada anaknya ..."Maka Raja Bendahara mengupah orang Cina Galas membuat surat kepada Raja Temenggung. Pada satu hari Raja Temenggung mudik pergi ke Hulu Galas dengan ada pekerjaan, maka datang orang Cina itu buat Raja Temenggung serta dibakar mayat." Lihat, Mohd. Taib Osman (ed.) (2004), *Hikayat Seri Kelantan*, h. 55.

<sup>62</sup> *Shair Musuh Kelantan*, hlm. 9, dipetik dari Rahmat Saripan (1917), *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan 1776-1842*, h. 94.

<sup>63</sup> Biarpun begitu, selepas menjadi Yang Di Pertuan, Long Zainal mencuba juga untuk mengambil hati musuh-musuhnya. Beliau malah menganugerahkan beberapa gelaran kepada putera-putera Raja Temenggung Long Tan seperti Raja Muda kepada Long Ahmad, Raja Temenggung kepada Tuan Senik Mulut Merah sendiri dan Raja Bendahara kepada kekanda Tuan Senik iaitu Engku/Tuan Kota. Putera Long Zainal sendiri tidak diberikan sebarang jawatan. Lihat, Cyril Skinner (1966), *The Civil War in Kelantan 1839*, Singapura: MBRAS, h. 11-12.

<sup>64</sup> *Shair Musuh Kelantan*, hlm. 24, dipetik dari Rahmat Saripan (1979), *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan 1776-1842*, h. 103.

Peperangan merebut takhta (antara anak saudara dengan bapa saudara) tercetis di sini sebagaimana yang dinyatakan di dalam *Hikayat Seri Kelantan*,

Maka Tuan Senik Mulut Merah ada muafakat adik-beradik rebut langgar ambil kota kerajaannya, lalu musuh bedil bertikam-menikam. Berapa lamanya orang dua dalam di dalam kota kekurangan ubat peluru, ditembak, langgar, bedil, tikam-menikam, terlalulah besar. Maka Raja Bendahara pun undur lari, tinggal kota itu dapat akan Tuan Senik Mulut Merah.<sup>65</sup>

Nyata perebutan dan peperangan ini berpihak kepada Long Senik Mulut Merah apabila kemudian beliau ditabalkan sebagai sultan oleh Majlis Mesyuarat dan Muafakat negeri Kelantan pada April 1839 bergelar Sultan Muhammad II.<sup>66</sup>

Long Zainal yang tewas, telah berangkat ke Ligor dan cuba mendapatkan bantuan dari sana, namun Ligor enggan membantu. Long Zainal kemudian menetap di Bangnara (Narathiwat). Beliau membuat pakatan pula dengan Long Besar Kampung Laut (Tuan Besar) mengukuhkan angkatan perangnya lalu menyerang Sultan Muhammad II di Kelantan. Namun begitu Long Zainal tewas sekali lagi dalam perebutan takhta Kelantan tersebut kerana kali ini, Sultan Muhammad II mendapat bantuan daripada Siam.<sup>67</sup> Walau bagaimanapun *Hikayat Seri Kelantan* tidak memperincikan serangan balas Long Zainal ini. Setelah berakhir episod perang saudara tahun 1839 tersebut, *Hikayat Seri Kelantan* tidak lagi memerihalkan sebarang konflik dan perang saudara yang berlaku. Politik Kelantan digalurkan dengan ringkas di samping memperlihatkan hubungan politik dengan Siam. Kisah berakhir pada pemerintahan Sultan Muhammad IV.

Hakikatnya, perang saudara tersebut tidaklah menjejaskan kedudukan dinasti Long Yunus sebagai pemerintah kerajaan Kelantan kerana kedua-dua pihak adalah bersaudara. Namun persengketaan tersebut boleh memberi impak terhadap keamanan Kelantan. Kejayaan Long Senik Mulut Merah menduduki takhta seterusnya mengembalikan keamanan Kelantan adalah juga satu bukti pengukuhan dinasti ini.

## Kesimpulan

Jelasnya, *Hikayat Seri Kelantan* memanglah merupakan sebuah naskhah pensejarahan Melayu yang mewakili cara pemikiran masyarakat Melayu dalam abadnya. Budaya politik Melayu waktu itu yang sangat mengilhamkan institusi diraja, sementara pula kisah konflik dan peperangan yang menghidupkan institusi tersebut, maka pengarang Melayu telah memanfaatkan kisah-kisah itu di dalam karya mereka. Justeru, menggunakan *Hikayat Seri Kelantan* dan naskhah-naskhah lain yang seangkatan dengannya sebagai sumber amatlah membantu dalam memahami aspek sejarah orang Melayu. Walaupun kadang-kala pengarang tidak memberikan maklumat sedemikian lengkap bagi setiap aspek konflik dan perang yang diperihalkan, dan tidak juga mendasarkan episod perang sebagai tema utama penceritaan, namun fakta-fakta yang berhubung dengan cara berfikir dan segala elemen yang terbabit dalam konflik dan perang saudara di Kelantan itu mahupun negeri-negeri yang lain masih boleh dimanfaatkan. Dalam isu pengukuhan Dinasti Long Yunus di Kelantan, analisis terhadap *Hikayat Seri Kelantan* menunjukkan bahawa Long Yunus dan keturunannya sentiasa berhadapan dengan konflik sehingga mencetuskan perang saudara. Long Yunus memulakan langkah dengan meletakkan dirinya sebagai pemerintah Kelantan yang berdaulat. Biar pun selepas kemangkatan Long Yunus, takhta kerajaan Kelantan diserahkan kepada anak raja Terengganu, namun putera-putera Long Yunus kemudian berjaya mengambil semula takhta tersebut dan memastikan keturunan mereka kekal sebagai penguasa sekaligus mengukuhkan Dinasti Long Yunus di Kelantan sehingga kini.

<sup>65</sup> Mohd. Taib Osman (ed.) (2004), *Hikayat Seri Kelantan*, h. 56.

<sup>66</sup> Abdullah Zakaria Ghazali (1998), "Perang Melayu: Satu Tinjauan Mengenai Isu Utama," h. 263. Episod serangan demi serangan, individu-individu yang terlibat dan proses berlangsungnya perang tersebut tidak diperincikan di dalam *Hikayat Seri Kelantan*. Namun begitu, Skinner telah menggalurkan episod ini dengan panjang lebar dengan merujuk kepada catatan-catatan yang terkandung di dalam *Shair Musuh Kelantan, Kisah Pelayaran Abdullah* dan sumber-sumber lain. Lihat, Cyril Skinner (1966), *The Civil War in Kelantan 1839*.

<sup>67</sup> Abdullah Zakaria Ghazali (1998), "Perang Melayu: Satu Tinjauan Mengenai Isu Utama," h. 263.

## **Rujukan**

Abdul Razak @ Mohamad Mahmud (2017), “Salsilah Raja-raja Kelantan Sejak Long Yunus hingga Sultan Muhammad V,” dalam Ahmad Rasdan Ismail, Baharin Ilias dan Abdul Latiff Abu Bakar (ed.), *Sejarah Kesultanan Melayu Kelantan*, Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.

Abdullah Zakaria Ghazali (2007), “Kelantan Sehingga Tahun 1900: Peristiwa-peristiwa Penting Dalam Sejarah,” dalam Abdullah Zakaria Ghazali dan Zahir Ahmad (ed.), *Kelantan Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.

Abdullah Zakaria Ghazali (1998), “Perang Melayu: Satu Tinjauan Mengenai Isu Utama,” dalam Hashim Awang, Zahir Ahmad dan Zainal Abidin Borhan (ed.), *Pengajian Sastera dan Sosiobudaya Melayu Memasuki Alaf Baru*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Abu Hassan Sham (2006), “Perang Saudara di Kelantan: Dilihat daripada Berbagai-bagai Naskhah,” dalam Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (ed.), *Kesultanan Melayu Kelantan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Hakimi Khairuddin (2006), “Sejarah Awal Kelantan Berdasarkan Teks *Riwayat Kelantan* dan *Hikayat Seri Kelantan*,” dalam Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (ed.), *Kesultanan Melayu Kelantan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bazrul Bahaman (2006), “Analisis Motif Politik dalam *Hikayat Seri Kelantan*,” dalam Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (ed.), *Kesultanan Melayu Kelantan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Coedes, George (1968), *The Indianized States of Southeast Asia*, Susan Brown Cowing (pent.), Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

FO 628/16/226, “Bangkok 1894, Correspondence from India, Burma, Straits Settlement.”

FO 881/6496 (1891), “Precis of Information Concerning the Straits Settlements and the Native States of the Malay Peninsula.”

Graham, W.A. (1908), *Kelantan: A State of the Malay Peninsula*, Glasgow: Maclehose.

Ibrahim Syukri (2002), *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Marriot, H. (1916), “A Fragment of the History of Trengganu,” *JSBRAS*, Jil. 72.

Mohd Puaad Abdul Malik dan Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid (2022), “Penulisan Karya Melayu Islam Klasik Abad Ke-17: Perbincangan Karya-Karya Terpilih,” *Journal of Al-Tamaddun*, Jil. 17, Bil. 2, 181-192.

Mohamad Roslaily Rosdi, Azmi Arifin and Rasyidah Arshad (2022), “Pembaharuan sistem perundangan Kelantan di bawah pentadbiran Siam-British, 1902–1915,” *Kemanusiaan the Asian Journal of Humanities*, Jil. 29, Bil. 2, 71-97.

Mohd. Taib Osman (2006), “Hikayat Seri Kelantan: Manifestasi Sebuah Peradaban dan Pernyataan Sosiopolitik Sebuah Negeri dalam Sejarahnya,” dalam Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (ed.), *Kesultanan Melayu Kelantan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Taib Osman (ed.) (2004), *Hikayat Seri Kelantan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin dan Norhayati Haji Hamzah (2018), "Perkembangan Islam di Kelantan: Analisis Terhadap Manuskrip Sejarah Negeri Kelantan," *Jurnal Al-Tamaddun*, Jil. 13, Bil. 2, 133-147.

Muhammad Yusoff Hashim (1991), *Terengganu Darul Iman, Tradisi Pensejarahan Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Anuar Nik Mahmud dan Mohd. Zamberi A. Malek (2007), *Tamadun dan Sosio-Politik Melayu Patani*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Nik Anuar Nik Mahmud (1999), *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nik Mahmud Ismail (1934), *Ringkasan Citra Kelantan*, Kota Bharu: The al-Assasiyah Press Co. (jawi)

Nik Mohd. Salleh (1980), "Salasilah Raja-Raja Kelantan," Seminar Sejarah dan Budaya Wilayah Kelantan anjuran Kerajaan Negeri Kelantan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia, 12-15 April.

Rahmat Sariipan (1979), *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan 1776-1842*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rentse, Anker (1934), "History of Kelantan I," *JMBRAS*, Jil. XII, Bil. II.

Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (2006), penyelenggara, *Kesultanan Melayu Kelantan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shellabear, W. G. (pengusaha) (1990), *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Siti Hawa Salleh (2009), *Kelopak Pemikiran Sastera Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Skinner, Cyril (1966), *The Civil War in Kelantan 1839*, Singapura: MBRAS.

Wheatley, Paul (1966), *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.